

# MAHASISWI DIDIDIK UNTUK JAGA DIRI

**Oleh Judas Gunsalam**

Kota Kinabalu, 27 April - Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha Dr. Mohamad Nizam bin Nazarudin berkata program “Kerana Diri Mu Begitu Berharga” perlu dilaksanakan pada masa akan datang untuk kepentingan kesihatan siswi UMS.

Ia juga sebagai tanda dan keperihatinan pihak kolej terhadap kebajikan mahasiswi, katanya.

“Saya berharap program ini dapat diperluaskan kepada mahasiswi seluruh UMS untuk sama-sama menyertainya”, katanya sempena program tersebut.

Program ini dijalankan untuk memberi kesedaran dalam aspek penjagaan dalaman dan luaran wanita. Penyertaan dalam kalangan siswi sebanyak 300 peserta menunjukkan program ini memberangsangkan.

“Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif kerana melalui penganjuran penyertaan mahasiswi melebihi sasaran sebelum ini yang hanya menganggarkan 100 peserta yang datang, jadi saya berpendapat program ini begitu memberangsangkan,” kata Pengarah Program Nor Natasha Elyanie Ghazali, 21.

Sepanjang tiga hari program ini dijalankan, terdapat aktiviti disediakan kepada mahasiswi seperti *Talent Show*, *Zumba Party*, *Explorace*, *Tutorial Make-Up* serta *The Women Pearl Competition*.

Selain itu, program ini juga turut menjemput Klinik Nur Sejahtera LPPKN untuk memberikan suntikan vaksin HPV secara percuma kepada mahasiswi Kolej Kediaman Tun Mustapha.

“Apa saya dapat dalam program ini adalah melatih diri kita menjadi lebih positif dan bijak dalam mengatur masalah dalam konteks psikologi wanita, namun bukan itu sahaja program ini juga menjadi panduan kepada wanita terutama sekali pelajar seperti kami,” kata Emma Hasmiedayati Binti Sakka, salah seorang peserta program tersebut.



Jawatankuasa penganjur di bawah Exco Keselamatan JAKMAS Kolej Kediaman Tun Mustapha.